

02/04/1997

Ucuptama PM sentuh dunia Islam

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual menyampaikan ucuptama bertajuk `Dunia Islam dan Kerjasama Sejagat: Persiapan Menghadapi Abad Ke-21' dalam satu seminar antarabangsa di sini, pada 25 hingga 27 April ini.

Ucapan Perdana Menteri di seminar tiga hari anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) dengan kerjasama Pusat Kajian Islam Oxford itu adalah lanjutan pidatonya bertajuk `Islam: Agama Yang Disalahfahami' di Universiti Oxford, tahun lalu.

Berita Harian, yang merayakan ulang tahun ke-40 penubuhannya tahun ini, dilantik sebagai akhbar rasmi seminar ini.

Antara tokoh antarabangsa yang sudah mengesahkan kehadiran mereka di seminar itu ialah Profesor Antropologi dan Perhubungan Manusia di Kolej Dartmouth yang juga Fellow Pusat Antarabangsa Woodrow Wilson, Washington DC, Prof Dale F Eickelman dan Pengarah Pusat Kajian Timur Tengah dan Asia Tengah Universiti Kebangsaan Australia (ANU), Prof Amin Saikal.

Peserta yang hadir atas undangan, berpeluang berdialog dengan Dr Mahathir dalam sidang pleno pertama selepas beliau menyampaikan ucapan dan merasmikan seminar berkenaan.

Pegawai Perhubungan Awam Ikim, Sapuah Nawawi, berkata seminar itu bertujuan mengukuhkan kefahaman Islam di kalangan ummah di samping menggerakkan usaha mencari jalan menyelesaikan masalah di kalangan negara Islam.

Seminar itu turut memberi peluang kepada peserta merumuskan tindakan yang tepat dalam usaha memberi sumbangan terhadap keamanan dunia.

Sesuai dengan temanya `Dunia Islam dan Kerjasama Sejagat: Persiapan Menghadapi Abad Ke-21', seminar itu mempunyai dua matlamat iaitu mempromosi kerjasama sejagat dan dunia Islam serta menjalin kerjasama lebih baik pada masa depan dalam bidang politik, ekonomi dan budaya.

Pengerusi Ikim, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, akan menyampaikan ucapan dalam sidang pleno kedua bertajuk Menjalin Kerjasama Ke Arah Mewujudkan Masa Depan yang Lebih Baik.

Pada hari kedua, peserta akan dibahagikan kepada tiga kumpulan yang setiap kumpulan akan membincangkan dimensi jalinan kerjasama dalam bidang politik, ekonomi dan agama/budaya.

Pada hari ketiga, Pengarah Pusat Kajian Islam Oxford, Dr Farhan Ahmad Nizami, akan mempengerusikan sidang pleno ketiga yang menyatukan ketiga-tiga kumpulan perbincangan itu untuk merumuskan hasil dialog masing-masing.

Resolusi seminar dijadual dibentangkan pada hari terakhir sebelum majlis penutup.

(END)